

Setiap kaum harus korban sedikit kepentingan: Dr M

Oleh Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata setiap kaum harus sedia mengorbankan sedikit kepentingan masing-masing jika negara ini benar-benar mahu mencapai perpaduan nasional sebenar.

Katanya, ketika ini masih wujud puak ekstremis yang mahu kekal tulen kepada identiti bangsa atau kaum masing-masing walaupun menyedari penduduk Malaysia berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya.

"Segelintir golongan pendidik Cina mahu sistem pendidikan seperti yang ada di China. Di kalangan 'purist' Melayu mahu semua orang bercakap bahasa Melayu.

"Mereka mahu kita bercakap dan belajar dalam Melayu sehingga meniadakan hak kita kepada pengetahuan.

"Kita tidak boleh kekal asli. Anda di Malaysia. Melayu sudah membuat pengorbanan dan menerima ini adalah negara berbilang kaum. Ini adalah pengorbanan yang besar," katanya.

Beliau berucap pada Majlis Ilmu Siri Perdana bertajuk Perpaduan Nasional di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini pagi semalam.

"Setiap masyarakat dan kaum perlu mengorbankan sesuatu supaya kita mampu mencapai sesuatu bentuk integrasi nasional," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia berjaya mewujudkan toleransi berikutan kesanggupan sebahagian besar rakyat menerima perbezaan dan

budaya masing-masing.

"Kita juga memperkenalkan falsafah iaitu lebih baik untuk berkongsi sepotong kek berbanding untuk membolot keseluruhan kek," katanya sambil menambah falsafah ini memberi peluang kepada semua kaum untuk maju.

Dalam ucapannya lebih satu jam itu, Dr Mahathir turut menekankan pentingnya orang Melayu mempunyai nilai yang menekankan kepada pendidikan, bekerja keras, bersaing dan mencapai tahap sama seperti kaum lain.

Bekas Perdana Menteri merujuk bagaimana orang Melayu yang hanya menjual tanah untuk mendapat duit mudah tanpa mengetahui bahawa tanah adalah harta yang lebih bermakna berbanding wang yang nilainya berkurangan disebabkan

kesan inflasi.

Dr Mahathir berkata, beberapa keputusan kerajaan bahawa kawasan rizab Melayu tidak perlu jika orang Melayu sendiri dapat membeli tanah dengan kekuatan ekonomi sendiri.

"Sebagai Melayu saya berasa malu bahawa di negara saya sendiri, saya harus mempunyai tanah rizab. Apabila anda bercakap mengenai tanah rizab, ia seperti tanah yang diberikan kepada penduduk asli Red Indians di Amerika Syarikat," katanya.

Beliau berkata, mereka yang membaca mengenai kehidupan kaum Red Indians akan menangis kerana puak itu diberikan tanah yang tidak boleh dimajukan termasuk untuk tujuan pertanian serta dihalau jauh ke pedalaman.

"Tanah rizab itu (milik Red Indi-

ans) kini digunakan untuk menyimpan sisa nuklear. Itu betapa miskin mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu seolah-olah puak Red Indians yang harus dilindungi di negara sendiri.

"Agak malang, sesetengah mereka menyokong dan melihat tanah rizab sebagai tanda pemilikan kepada negara ini atau ketuanan Melayu.

"Ketuanan Melayu tidak datang daripada pemilikan tanah rizab tetapi keupayaan untuk bersaing, mempunyai sistem nilai yang baik, sistem pendidikan dan keupayaan serta mampu bersaing," katanya.

Beliau berkata, jika masyarakat Melayu menjadi kompetitif, lebih terpelajar serta terbabit dalam aktiviti ekonomi, mereka mampu membeli tanah milik Cina atau India.